

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Peruntukan lebih rendah berbanding 2022



Peruntukan lebih rendah berbanding 2022

Peruntukan Belanjawan 2023 yang dibentangkan Jumaat lalu sebenarnya adalah lebih rendah berbanding 2022, demikian mengikut penganalisis.

Menurut TA Securities, perincian menunjukkan anggaran baharu dalam Belanjawan 2023 akan memperuntukan RM386.1 bilion untuk semua perbelanjaan kerajaan atau bersamaan 20.4 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Katanya, jumlah itu adalah sedikit lebih rendah daripada angka yang disemak semula pada belanjawan 2022 iaitu RM395.3 bilion, yang termasuk dana COVID-19 sebanyak RM35 bilion.

"Ini disebabkan terutama oleh dana COVID-19 dan langkah pengoptimuman perbelanjaan. Daripada jumlah ini, RM289.1 bilion atau 75 peratus akan disalurkan ke Perbelanjaan Operasi (OE), manakala RM95 bilion atau 25 peratus kepada perbelanjaan pembangunan (DE)."

"Tiada peruntukan untuk dana COVID-19 kali ini berbanding dengan peruntukan RM5 billion peruntukan sebelum ini," katanya dalam nota penyelidikan.

Subsidi lebih tinggi

Mengulas lanjut, firma penyelidikan itu berkata, bagaimanapun, perbelanjaan bagi belanjawan baharu itu adalah empat peratus lebih tinggi daripada unjuruan awal dari RM372.3 bilion - yang tidak dapat diluluskan sebelum Parlimen dibubarkan.

"Ini kerana peruntukan subsidi yang lebih tinggi sebanyak RM16.6 bilion hingga RM58.6 bilion tahun ini, atau 40 peratus lebih tinggi daripada peruntukan awal sebanyak RM42 billion."

"Bagaimanapun, berbanding 2022, ia lebih rendah sebanyak 12.9 peratus," katanya.

Tambahnya, bagi peruntukan DE, ia adalah dua peratus lebih tinggi daripada awal iaitu RM97 bilion, berbanding RM95 bilion sebelumnya, tetapi 35 peratus lebih tinggi daripada belanjawan 2022, RM71.6 billion.

"Ini sebahagiannya disebabkan oleh kewajipan kewangan terutamanya untuk menebus bon IMDB sebanyak AS\$3 billion yang matang pada bulan Mac 2023 dan juga untuk pelbagai program dan projek di bawah rancangan Malaysia ke-12 (RMK12)."

"Kami melihat peruntukan yang lebih tinggi untuk pertahanan dan keselamatan, sektor ekonomi terutama di bawah pengangkutan serta sektor sosial," katanya.